

Dakwah Islamiah mendepani cabaran revolusi industri 4.0

Rasinah Ahim

(Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam)

ABSTRAK: *Ledakan revolusi industri 4.0 memberi impak dan perubahan besar kepada pembangunan, perindustrian dan perekonomian sehingga mendorong generasi kini menerokai trendnya agar selari dengan gaya kerja dan gaya hidup semasa. Keupayaannya turut memperluas kapasiti dan transisi maklumat serta ilmu pengetahuan sekali gus bertindak sebagai pemudah cara dan solusi terkini. Trend revolusi industri 4.0 turut berupaya merancakkan pencegahan dakwah Islamiah dengan peranti, teknologi dan aplikasi pintar yang memaksa penglibatan langsung para da'ie untuk turut berevolusi dan tidak statik dengan pendekatan tradisi. Namun begitu, penyebaran dakwah palsu dan ajaran sesat turut berleluasa dan semakin membimbangkan yang jika tidak ditangani segera akan mengoyahkan pegangan masyarakat Islam dan mengugat ketulenan ajaran Islam itu sendiri. Justeru, kepakaran para da'ie tidak lagi terbatas kepada memiliki disiplin ilmu Islam sahaja bahkan perlu menguasai dunia teknologi terkini agar mampu mendepani apapun cabaran yang cuba mengugat kedudukan Islam melalui revolusi industri 4.0. Maka artikel ini mengupas cabaran yang berlangsung dalam menyampaikan dan menyebarkan dakwah Islamiah melalui era revolusi industri 4.0 ini, yang nyata berbeza dengan medium sebelumnya. Kajian kualitatif berbentuk deskriptif berupa dokumentasi digunakan bertujuan meninjau perjalanan dakwah Islamiah dan cabaran dalam mendepani trend dunia hari ini. Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan bahawa penguasaan ilmu Islam tulen dan keilmuan teknologi terkini mempunyai hubungan yang kuat dalam penyebaran dakwah Islamiah pada masa kini, supaya pendekatan yang dilaksanakan berkesan dan mencapai objektif khususnya dalam menyampaikan dakwah Islamiah yang berlunaskan al-Quran al-Karim dan al-Sunnah al-Nabawiyyah agar seiring dengan keperluan dan cabaran masa kini.*

KATA KUNCI – Dakwah, mendepani, cabaran, revolusi industri 4.0

I.PENGENALAN

Dunia hari ini hebat mempertutarkan tentang revolusi industri 4.0 yang mencetuskan transformasi dalam gaya kerja dan gaya hidup manusia sejagat. Revolusi industri generasi keempat memberi impak kepada dunia kerja yang dikuasai oleh manusia sebelumnya dan kini mula diambil alih oleh teknologi internet dan automasi. Fenomena ini bertepatan dengan penjelasan Prof Klaus Schwab dalam bukunya yang berjudul “*The Fourth Industrial Revolution*” (2017:7) bahawa revolusi industri 4.0 itu telah meroboh hidup dan kerja manusia secara fundamental. Revolusi industri 4.0 ialah trend di dunia industri yang menggabungkan teknologi automasi dengan teknologi siber. Trend ini mencakupi penemuan pelbagai teknologi baru seperti automasi, *Internet of Things* (IoT), analisis dan big data, simulasi, integrasi sistem, penggunaan robotik dan cloud yang bakal merancakkan kemajuan lanskap dunia moden. (Klaus Schwab 2017:12). Revolusi industri 4.0 adalah peningkatan dari revolusi industri 3.0 yang berasaskan kepada teknologi komputer dan pengautomasi. Revolusi ini menggunakan pengautomasi dan pertukaran data dalam proses kerja dan urusan harian yang menggabungkan sistem-sistem fizikal, digital dan biologi, lalu membentuk “sistem siber-fizikal” yang memberi impak kepada semua disiplin, ekonomi dan industri di samping kesan sosial yang dicetuskan olehnya. Revolusi ini boleh meningkatkan perkembangan pesat ekonomi dan pertumbuhan sesebuah negara. Selain itu, ia juga turut mengakibatkan jutaan manusia bakal hilang pekerjaan mereka apabila tugas hakiki manusia nanti digantikan oleh tenaga robotik dan *Internet of Things* (Klaus Schwab).

Kecanggihan teknologi ciptaan era revolusi industri 4.0 yang berskala global ini telah mempermudah dan memperluas hubungan jaringan sosial, mempercepat informasi semasa, dan melonjakkan perkembangan ilmu pengetahuan. Tidak dinafikan bahawa perkembangan teknologi internet dan automasi ini turut mempengaruhi pendekatan dakwah Islamiah sehingga mendorong para da'ie memanfaatkannya sebagai medium penyebaran dakwah Islamiah. Sesungguhnya Islam sebagai agama yang fleksibel tidak pernah membataskan para da'ie untuk menggunakan kaedah tertentu dalam proses dakwah. Bahkan umat Islam digalakkan menerokai dan menggunakan medium terbaik sesuai pada sesuatu zaman dan tempat.

Dakwah Islamiah mendepani cabaran revolusi industri 4.0

Dakwah ialah suatu usaha menyeru dan mengajak manusia supaya beriman kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan mengikut segala perintah dan menjauhi laranganNya. Oleh itu dakwah adalah antara tuntutan agama yang mesti dilaksanakan oleh setiap orang Islam dan merupakan satu keperluan bagi manusia seluruhnya, yang bukan semata-mata untuk kepentingan akhirat tetapi juga atas kepentingan hidup di dunia (Ab. Aziz Mohd.Zin 2005:7). Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

وَلَتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَأَوْلَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Tafsirnya:

“...Dan hendaklah ada antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan (kebaikan) dan menyuruh (berbuat) yang ma'ruf serta melarang daripada yang mungkar. Dan mereka itulah orang yang mendapat kemenangan...”

Surah Ali-Imran (3):104

Dakwah Islamiah sebelum era revolusi industri 4.0 menguasai dunia, disampaikan melalui lisan dan tulisan untuk disebarluaskan kepada individu ataupun kumpulan, sama ada secara bersemuka ataupun melalui bahan-bahan dokumentasi dan halaqah-halaqah ilmiah. Selari dengan perkembangan dan kemajuan teknologi, pendekatan dakwah Islamiah perlu berubah sesuai dengan perkembangan semasa. Di awal pengenalan media, penyebaran dakwah Islamiah menerusi medium filem, video, kaset, radio, dan televisyen, berpengaruh kuat ke atas khalayak sasaran (Syed Muhammad Dawilah al-Idrus & Mohd Lutfi Solehan, 2009:10). Kini, era revolusi industri 4.0 menerusi keupayaan teknologi internet dan automasi adalah medium yang berkeupayaan besar untuk merancak dan melonjakkan lagi kegiatan dakwah Islamiah. Medium ini dilihat wajar untuk diterokai dan dimanfaatkan oleh para da'ie untuk menyebarkan risalah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada seluruh umat manusia supaya terus berpegang dengan agama Islam.

Ledakan teknologi internet dan automasi dalam era revolusi industri 4.0 ini secara langsung mempermudah dan melancarkan perjalanan dakwah Islamiah menjadi lebih meluas dan cepat tersebar. Namun selaras dengan sifatnya yang bebas dan terbuka kepada penyampaian dan penerimaan sebarang maklumat serta penggunaannya yang sukar dikawal, maka teknologi terkini turut berfungsi sebagai ejen untuk menyalurkan maklumat mengenai agama-agama lain, dakwah-dakwah palsu dan ajaran-ajaran sesat. Pendeknya, arus revolusi industri 4.0 memberi pelbagai manfaat, juga turut mengundang kesan negatif kepada ummah Islam khususnya dan masyarakat umumnya. Inilah cabaran yang perlu didepani supaya integriti keilmuan Islam kekal tulen dan kedudukan agama Islam tidak diperkotak-katikkan oleh anasir-anasir negatif.

II.TINJAUAN KEPUSTAKAAN

Sorotan karya tertumpu kepada kajian-kajian yang membahaskan tentang dakwah Islamiah dalam era global khususnya pelaksanaan dakwah melalui teknologi digital dan internet, seperti kajian peringkat Sarjana Muda tulisan Maryati binti Haji Asmad (2002) yang bertajuk “*al-Da'wah 'abbara al-Internet*”, mengupas perihal kepentingan dakwah Islamiah melalui internet serta penggunaannya yang bersifat positif dan negatif sebagai penyalur maklumat mengenai ajaran Islam. Tulisan Dk Hajah Kanari @ Aliyah Hannah binti Pg Haji Maslon (2003) yang bertajuk “*Inhirāf al-Da'wah al-Islāmiyyah fī al-Internet wa Kaifiyati mu'ālijātihā*” berkisar tentang ajaran-ajaran sesat yang berleluasa di dalam internet dan risikonya kepada umat Islam. Sementara kajian Siti Fairuz binti Haji Lamit (2011) yang bertajuk “*al-I'lām al-Islāmī wa 'ilāqatuhu bi al-Da'wah*” adalah perbincangan tentang dakwah melalui media. Perbahasan yang sama turut ditulis oleh Nur Aqidah binti Abu Bakar (2013), bertajuk “*Nashr al-Da'wah al-Islāmiyyah min khilāl wasāel al-I'lām al-Ijtīmā'iyyah fī Brunei Darussalām*”, adalah kajian yang menjurus kepada penyebaran dakwah Islamiah menerusi media di Negara Brunei Darussalam. Sementara itu, kupasan dakwah dalam era digital yang menekankan kepada impak dakwah melalui media serta cabaran yang perlu didepani dalam penyebaran dakwah Islamiah, menerusi tulisan Dr Sa'ed bin Ali bin Wahab al-Quhtani (1436H), yang bertajuk “*al-Ilāqah al-Muthlā bayna al-Du'āt wa Wasā'il al-Itisāl al-Hadīthah fī Dawie al-Kitāb wa al-Sunnah*”. Kupasan tentang peranan media dalam penyebaran Islam turut ditulis oleh Muhammad Norsufian bin Haji Yahya (2006M), bertajuk “*Dawr al-'ilām fī Khidmah al-Islām*” dan kajian yang dihasilkan oleh Hajah Fauzana Aleya binti Haji Yahya (2013M) bertajuk “*al-Da'wah al-Islāmiyyah min Khilāl al-Izā'ah Nūr al-Islām al-Brunawiyah*”. Kajian peringkat Sarjana yang bertajuk “*Electronic Da'wah as A Means of Preserving Islamic Identity of Muslim Youth*”, merupakan tulisan Nazirul Mubin bin Ahad (2015), membahaskan mengenai keperluan mengekalkan integriti Islam dalam melaksanakan dakwah melalui teknologi digital. Sementara kajian Juliana binti Haji Budin (2013) yang bertajuk “*The Impact of Social Media on the pattern of Islamic Da'wah in Brunei Darussalam*”, adalah kupasan tentang penggunaan dan impak media sosial sebagai penyalur maklumat dakwah Islamiah dalam kalangan masyarakat Islam di Negara

Dakwah Islamiah mendepani cabaran revolusi industri 4.0

Brunei Darussalam. Hasil karya Zulkiple Abd Ghani, Roslizawati Mohd. Ramly, Mohd. Rushdan Mohd. Jailani dan Muhamad Yusuf Khalid (2012M) bertajuk “Kepimpinan dan Pengurusan: Dakwah, Media, dan Ilmu”, dan buku yang bertajuk “*Dakwah dalam Era Siber di Malaysia*” tulisan Zulkiple Abd Ghani (2010) turut menjadi rujukan pembicaraan tentang dakwah Islamiah dalam era digital. Ringkasnya kajian-kajian dakwah melalui teknologi terkini adalah tertumpu kepada peranan dan kepentingan media dalam penyebaran dakwah Islamiah, di samping kepentingan dan keperluan para da’ie memiliki ilmu digital seiring dengan perkembangan dakwah masa kini. Manakala perbahasan artikel ini memfokuskan kepada cabaran yang didepani dalam menyebar dan menyampaikan dakwah Islamiah khususnya dalam era revolusi industri 4.0 yang berpaksikan kepada matlamat utama iaitu menyeru dan mengajak manusia ke jalan yang benar dan yang direhui oleh Allah *Subhanahu wa Ta’ala*. Firman Allah *Subhanahu wa Ta’ala*:

(فُلْهِسِبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَى بِصِيرَةٍ أَنَّا وَمَنْ أَتَبَعَنِي هُنْدَ حَانَ اللَّوَّامَ أَنَّا مِنَ الْمُشْرِكِينَ)

Tafsirnya:

“...Katakanlah: (wahai Nabi Muhammad): “Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang mengikutiku menyeru (kamu) kepada (agama) Allah atas (dasar) hujah yang nyata (dan menyakinkan). Dan Maha Suci Allah (daripada sebarang sekutu) dan aku bukanlah termasuk golongan orang yang musyrik...”

Sūrah Yūsūf (12):108

III. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bersifat kualitatif menerusi metode dokumentasi iaitu proses pengumpulan data dengan melakukan kajian dan pembacaan terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungannya dengan masalah-masalah yang diteliti. Kajian ini menggunakan dokumen-dokumen sebagai sumber, yang berhubung kait dengan perkara yang dikaji bagi mendapatkan .data-data untuk keperluan artikel. Sumber dokumentasi diperolehi daripada pembacaan beberapa buku, makalah, jurnal, tesis, pengumpulan dokumen juga mengambil kira kesahan dan keboleh percayaan dokumen yang dikaji. Dokumen-dokumen yang mempunyai hubungan dengan kajian, diolah, dibuat perbandingan, seterusnya diambil sebagai hasil dapatan dan rumusan kajian.

IV. HASIL DAPATAN

Hasil daripada kajian yang dijalankan adalah menjurus kepada perbincangan berikut:

4.1 Pendekatan dakwah Islamiah dalam era revolusi 4.0

Keberkesanan dakwah yang disampaikan adalah terletak kepada dua (2) komponen, iaitu isi atau pengajaran yang hendak disampaikan kepada sasaran dan cara, atau pendekatan untuk menyampaikan sesuatu ajaran. Maka dalam hal ini, pendekatan, cara, atau metode perlu dititikberatkan supaya setiap yang ingin disampaikan berjaya mempengaruhi dan diterima oleh sasaran (Ab. Aziz Mohd Zin, 2005:76). Al-Rikabi (1979:299) turut menekankan bahawa isi dakwah yang hendak disampaikan hendaklah jelas dan terang serta menggunakan pendekatan yang elok lagi berkesan. Dalam pada itu, al-Qur'an al-Karim telah menyenaraikan pendekatan utama dalam melaksanakan dakwah secara berkesan, Firman Allah *Subhanahu wa Ta’ala*:

(ادْعُ إِلَى سَبِيلِكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَدَّيْدِ وَجَادِلْهُمْ بِمَا لَتَيْهِ أَهْنَّ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ)

Tafsirnya:

“...Serulah ke Jalan Tuhanmu (wahai Nabi Muhammad) dengan hikmah (kebijaksanaan) dan nasihat pengajaran yang baik dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang terbaik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dia yang lebih mengetahui siapa yang sesat daripada jalanNya dan Dialah juga yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk...”

Surah al-Nahl: (16):125

Ungkapan ayat tersebut menuntut para pendakwah menyeru manusia ke arah kebaikan dengan pendekatan hikmah iaitu bijaksana, nasihat dan peringatan yang baik, dan perdebatan (perbincangan atau muzakarah) dengan menggunakan hujah yang kuat untuk mencari kebenaran. Menurut Zulkifle Abd Ghani (2012:4), penyenaraian tiga pendekatan utama ini adalah sebagai panduan dan contoh terbaik untuk menjayakan aktiviti pendakwahan, di mana menurut sebahagian pengkaji ilmu dakwah adalah pendekatan yang relevan untuk diaplikasikan pada sepanjang masa dan pelbagai tempat. Manakala menurut Ruzain (2011) kaedah dakwah yang dituntut haruslah mengikuti keperluan zaman dan sesuai dengan kemampuan masyarakat dengan

Dakwah Islamiah mendepani cabaran revolusi industri 4.0

menggunakan wasilah yang paling praktikal lagi inovatif bagi mencapai sesuatu tujuan. Maka kewujudan teknologi media baharu perlu dimanfaatkan dan dikuasai sebagai agen transformasi dakwah selama ia tidak bercanggah dengan syariat Islam.

Era revolusi industri 4.0 ialah era teknologi internet dan automasi. Secara umumnya, masyarakat hari ini sangat terdedah dan bergantung kepada teknologi informasi dan komunikasi yang berasaskan kepada teknologi siber, internet, jaringan, data siber serta pelbagai sistem rangkaian. Oleh itu pendekatan dakwah hari ini tidak lagi terbatas kepada ajakan atau seruan secara lisan semata-mata tetapi perlu memanfaatkan dan mengerakkan aktiviti dakwah melalui medium media internet. Pendekatan dakwah melalui media baharu ini tiada batasan yang mampu menghalang hubungan dengan individu dan kelompok yang mempunyai akses luas atau tiada ruang penghalang. Oleh itu, ajaran Islam mampu disampaikan kepada semua pihak tanpa batasan yang meliputi pelbagai peringkat generasi dan bangsa. Pendeknya dakwah Islamiah perlu digerakkan secara lebih kreatif dan inovatif melalui teknologi internet dan automasi. Keberkesanan dakwah melalui alam maya akan tercapai apabila kandungan Islam mampu disampaikan dengan kreatif dan menarik dalam bentuk video, data, rajah dan inovasi lain serta diterjemah dalam berbagai bentuk instrumen teknologi dan media sosial (Berita Harian Online, Jan 2019).

Media baharu yang dicetuskan era revolusi industri 4.0 ini berfungsi sebagai alat penyebar maklumat dan agen transformasi dakwah sangat berbeza dengan medium yang digunakan sebelum ini, maka setentunya memperlihatkan sudut pro dan kontra terhadap aktiviti dakwah terutama dari sudut integriti dan kredibiliti kandungan dan sumber serta beberapa ciri lain yang ada padanya yang sekali gus merupakan cabaran untuk didepani dalam mempergiat penyebaran dan penyampaian ajaran Islam.

4.2 Cabaran dakwah Islamiah mendepani revolusi industri 4.0

Dakwah menurut Zulkiple Abd. Ghani (2000) ialah satu proses yang dinamik, sentiasa bergerak bersama perubahan persekitaran tetapi tetap mengekalkan hala tuju yang jelas iaitu membawa dan membimbing manusia mengenali keesaan Allah *Subhanahu wa Ta’ala* dalam mengatur setiap inci perjalanan kehidupan. Oleh itu, perkembangan dan perubahan yang berlaku merupakan cabaran yang perlu di depani oleh para da’ie khususnya dan umat Islam umumnya supaya peka dan bersedia dengan pelbagai senario.

Dakwah Islam menerusi media baharu revolusi industri 4.0 mendepani fenomena persekitaran baru dan menerokai ruang lingkup serta sasaran pendakwahan yang dinamik. Kemunculan dan kemudahan media baharu menerusi teknologi informasi dan aplikasi terkini membuatkan urusan dakwah Islamiah dapat dijalankan dengan efektif dan efisien. Hakikatnya dakwah Islamiah mampu tersebar meluas dan kesannya semakin menyeluruh. Di mana penyebaran dakwah Islamiah, tidak lagi melalui perantaraan antara da’ie dan sasarannya sahaja, malah boleh dilakukan dengan menggunakan kemudahan teknologi internet atau digital. Bilik-bilik kuliah atau kursus bukan lagi disempadani dinding-dinding konkret tetapi sebaliknya alam maya. Pendeknya ledakan teknologi revolusi industri 4.0 adalah pendekatan praktikal untuk mencapai misi dakwah Islamiah dan dalam masa yang sama cabaran dakwah Islamiah semakin hebat dan berat.

4.2.1 Cabaran mengekalkan kesahihan maklumat tentang Islam

Masyarakat hari ini sangat cenderung menggunakan media baharu yang diperkenal dalam era revolusi industri 4.0 sebagai bahan rujukan dan pembelajaran agama Islam atas keupayaannya menyediakan pelbagai maklumat mengenai Islam dengan mudah dan pantas (Umar Halim & Samsudin A.Rahim, 2011). Lebih parah lagi ramai yang mempercayai informasi yang diperolehi melalui teknologi ini, tanpa diteliti dan disahkan terlebih dahulu kebenaran dan kesahihannya. Menurut Fariza Md Sham (2000:18) perkembangan teknologi informasi dan komunikasi yang tiada garis sempadan dan ketidakterbatasan maklumat boleh membawa kepada mendapatkan maklumat yang berfaedah dan dalam masa yang sama maklumat yang merosakkan aqidah dan fikiran. Bahan yang dihidangkan menerusi rangkaian teknologi informasi dan komunikasi seperti *Facebook*, *Youtube*, *Instagram*, *Twitter*, dan banyak lagi, sebahagiannya adalah berbeza bahkan bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar. Melalui prasarana teknologi informasi dan komunikasi ini yang dibawa oleh revolusi industri 4.0, pihak yang tidak bertanggungjawab sentiasa mencari jalan dan peluang untuk membuat sebarang penyelewengan dan menyuburkan maklumat palsu dan dusta bagi tujuan menyesatkan umat Islam khususnya dan orang lain umumnya. Maka dalam hal ini, ia merupakan cabaran terhadap proses tradisional dalam mendapatkan maklumat yang sah. Sekadar bergantung dengan merujuk daripada bahan-bahan yang diperolehi melalui internet seperti al-Qur'an al-Karim atau al-Hadith, kemungkinan berlaku kesalahan fakta seperti ayat dari versi *Israiliyat*. Oleh itu, untuk mengekalkan kesahihan fakta terutamanya yang berkaitan dengan agama Islam, perlunya merujuk kepada sumber asal untuk mengesahkan maklumat dan mengelakkan kekeliruan. Pentingnya memastikan terlebih dahulu bahawa maklumat yang diperolehi daripada teknologi dan media baru itu adalah maklumat yang tepat lagi benar supaya tidak berpegang atau berdalikan kepada fakta yang

Dakwah Islamiah mendepani cabaran revolusi industri 4.0

diseleweng atau dipalsukan. Perkara ini perlu dititikberatkan dan diambil perhatian terutamanya yang berkaitan dengan soal-soal ilmu keagamaan, yang perlu dipasti terlebih dahulu kebenarannya atau kesahihannya. Sesuai dengan saranan al-Qur'an al-Karim dalam Surat al-Hujurat:

(يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنْ جَاءُكُمْ قُلُقٌ بِزَبَرٍ إِنْ تَبَيَّنُوا أَنْ تُصِيبُوا فَمَا بَجَاهَ لِهِ قُصْدٌ بَخُوا عَلَيْهَا فَعَلِمْ لَتُمْ زَادِ مِنْ) (Surah al-Hujurat: 6)

Tafsirnya:

"...Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasiq membawa suatu berita maka selidikilah kebenarannya (kerana dikhawatir) kamu akan menimpakan kepada suatu kaum (perkara yang tidak diingini) dengan sebab kejahilan kamu sehingga menyebabkan kamu menjadi orang yang menyesal atas apa yang kamu telah lakukan..."

Surah al-Hujurat: (49):6

4.2.2 Cabaran menandingi persaingan penyebaran agama dan aliran lain

Teknologi internet dan automasi dalam era revolusi industri 4.0 mencetuskan dimensi baru kepada kegiatan pendakwahan. Ia mempunyai kekuatan dalam menyampaikan mesej merentasi sempadan masa dan tempat dengan kapasiti yang besar dan pantas. Limpahan serta lambakan informasi boleh diakses dalam pelbagai bentuk perkongsian maklumat baru seperti blog, forum, wiki, chat, dan lain-lain perisian yang memangkin penularan pelbagai aliran, fahaman dan ideologi. Bahkan ruang ini turut dimanipulasi sebagai medium dakwah oleh pelbagai agama seperti Islam, Yahudi, Kristian, Buddha dan lain-lain serta turut digunakan untuk menyebarluas sesuatu aliran dan fahaman yang bertentangan dengan norma dan nilai agama juga kemanusiaan. Ringkasnya medium ini menjadi medan persaingan penyebaran antara agama, aliran, dan fahaman. Lantaran itu lambakan laman web diwujudkan umpama cendawan tumbuh selepas hujan yang bertujuan menyalurkan maklumat, aktiviti, dan program untuk menarik perhatian dan mempengaruhi para pengguna untuk bergabung dan mengikuti suatu agama, aliran, dan fahaman tertentu. Berhubung perkara ini, sebagai contoh pada tahun 2016, telah dilaporkan bahawa lebih daripada 10 laman web masih aktif mempromosikan kumpulan ekstremis militan Daesh yang mudah diakses dan masih belum disekat. Laman-laman ini menggunakan bahasa Melayu, bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dan mudah dilayari oleh pengguna internet (Utusan Malaysia, 15 September 2016). Fenomena ini dilihat sebagai cabaran kepada para sarjana Islam dan para da'ie untuk merancakkan lagi aktiviti pendakwahan melalui teknologi terkini dalam usaha menandingi persaingan daripada agama, aliran, dan fahaman lain yang nyata bertentangan dengan agama Islam. Sebagai usaha untuk menepis daripada meresap masuk ke dalam pemikiran umat Islam dan demi keselamatan aqidah umat Islam itu sendiri. Sesuai dengan seruan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

(يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا فَوْا أَفْكُمْ وَأَهْلِكُمْ نَارًا) (Surah al-Tahrīm: 66)

Tafsirnya:

"...Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka..."

Surah al-Tahrīm (66):6

4.2.3 Cabaran mempertahan keintelektualan dan kewibawaan pendakwah

Dunia dakwah Islamiah dalam era revolusi industri 4.0 berjalan dengan efektif dan efisien. Berbeza dengan zaman sebelumnya, yang memerlukan kepada pelbagai kitab sebagai rujukan dan perlu menemui atau bersemuka dengan ilmuwan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Kini, pelbagai laman web dan e-dakwah diwujudkan bagi menyediakan pelbagai maklumat dan aktiviti dakwah Islamiah seperti ruangan tazkirah, pandangan dan soal jawab agama. Perkongsian maklumat mengenai dakwah Islamiah juga mudah diperolehi melalui laman dan media sosial. Merujuk kepada situasi masyarakat hari ini, nampaknya dipengaruhi dan lebih gemar mendapatkan maklumat dan ilmu pengetahuan melalui laman sosial di internet, memandangkan fungsinya yang mudah lagi pantas tanpa batasan waktu dan tempat. Situasi ini menunjukkan bahawa tugas dakwah mula diambil alih dan dimainkan oleh para da'ie yang secara langsung sebagai penggiat media. Dalam pada itu, para ilmuwan Islam khususnya para da'ie turut memanfaatkan medium ini sebagai ruang memperluas strategi dakwah Islamiah dengan mewujudkan program atau laman dakwah masing-masing, sekali gus merobah landskap dakwah Islamiah. Ironinya, dakwah Islamiah dilihat sebagai salah satu program hiburan yang berdasarkan kepada format suatu pihak atau untuk meraih populariti. Lebih parah lagi jika tujuan dakwah tersasar kepada menggaut keuntungan material serta meraih atau mengumpul penyokong dan peminat. Sesungguhnya seorang pendakwah itu haruslah memiliki keilmuan Islam yang tinggi dan mendalam (Yusuf al-Qaradawi, 1978:8), kuat hubungan dengan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* serta hubungan yang baik dengan

Dakwah Islamiah mendepani cabaran revolusi industri 4.0

masyarakat (Ghalush, 1972:225), beramal dengan ilmunya serta dihiasi dengan akhlak Islam yang sempurna (Wan Hussein Azmi, 1988:4-5). Di samping memiliki kekuatan intelektual dan spiritual supaya para da'ie itu faham tujuan dakwahnya dan sasarannya memahami dan menerima dakwah yang disampaikannya dengan baik. Para da'ie perlu memahami dan menguasai ilmu pengetahuan agar usaha dakwahnya tidak menjadi sia-sia dan diperlekehkan orang yang cuba didekatinya. Ditakuti dakwah yang disebarluaskan tidak selaras dengan perspektif Islam yang akan mengakibatkan terpesongnya fahaman terhadap kesyumulan ajaran Islam. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

فِي هُسْبَلِي أَدْعُوكُ إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنْ أَتَبَعَنِي هُبُّ حَانَ اللَّوْمَا أَنَا مِنْ الْمُشْرِكِينَ (١٢)

Tafsirnya:

“...Katakanlah: (wahai Nabi Muhammad): “Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang mengikutiku menyeru (kamu) kepada (agama) Allah atas (dasar) hujah yang nyata (dan menyakinkan). Dan Maha Suci Allah (daripada sebarang sekutu) dan aku bukanlah termasuk golongan orang yang musyrik...”

Surah Yūsuf (12):108

4.2.4 Cabaran melahirkan pendakwah yang celik teknologi

Kemajuan teknologi dalam era revolusi industri 4.0 telah mengubah lanskap dakwah Islamiah. Pendakwahan tidak lagi terbatas di dalam halaqah-halaqah ilmiah atau di bilik-bilik kuliah, tetapi mengaplikasi dan memanfaatkan teknologi internet dan automasi sebagai saluran dakwah yang sangat berkesan untuk memandu manusia ke jalan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Menurut Nur Ahmad (2014), dakwah Islamiah melalui teknologi ini merupakan suatu inovasi terbaru dalam syiar Islam. Medium ini memudahkan tugas para da'ie dan melebarkan usaha dakwah Islamiah ke skala global. Justeru, para pendakwah perlu mengambil dan menggunakan kesempatan daripada kemajuan teknologi ini secara maksimum sebagai medium untuk menyebarluaskan visi dan misi dakwah kepada sasaran dakwah yang berskala luas. Oleh itu, menurut Zulkiple Abd Ghani (2014: 20) dalam dunia realiti baru, para da'ie memang perlu celik teknologi informasi dan komunikasi (ICT) yang mampu melaksanakan kerja-kerja dakwah menggunakan teknologi, menguasai dan memanfaat peluang-peluang yang terdapat dalam teknologi terkini untuk mewujudkan laman web dan e-dakwah, malah berkeupayaan menguasai dan bersaing dengan kemajuan teknologi terkini di peringkat global. Keperluan dakwah Islamiah dalam mendepani revolusi industri 4.0 bukan sahaja memenuhi kehendak perkembangan Islam yang semakin memberangsangkan tetapi yang utama lagi ialah melahirkan pemimpin dan da'ie yang berkebolehan dan berkeupayaan untuk menghadapi persaingan media yang berskala global. Menurut Fariza Md Sham (2014:18), Para da'ie dalam era ini hendaklah mempunyai pemikiran yang kreatif, inovatif dan imajinatif. Manakala menurut Abdullah Muhammad Zin (2009:9), menjelaskan bahawa profil seorang da'ie bukan setakat menonjolkan keilmuan dari aspek ritualistik semata-mata tetapi perlu juga menguasai keilmuan sains dan teknologi. Para da'ie itu hendaklah mempunyai kualiti sebagai *Uul Albab*, yang mampu menjalankan tugas sebagai *khalifah Allah fi al-Ard* dan berfungsi sebagai *Rahmah li al-Aalamiin*. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

فَلَمْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْأَاءِ بَابٌ (٩)

Tafsirnya:

“Katakanlah: “Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?. Sesungguhnya orang-orang yang mengambil pengajaran hanyalah orang-orang yang mempunyai akal (yang dapat memikir dan memahaminya)...”

(Surah al-Zumar (39): 9

Para da'ie dalam era ini perlu mempersiapkan diri agar mempunyai kecekapan modal insan dalam pelbagai bidang. Pendakwah tidak sekadar menguasai keilmuan dalam bidang pengajian Islam seperti al-Qur'an al-Karim, Tafsir, Hadith, Qiraat, bahasa Arab tetapi dalam masa yang sama perlu menguasai kemahiran berkomunikasi dan lebih penting lagi celik teknologi informasi dan komunikasi. Sesungguhnya Islam memerlukan da'ie yang celik computer, celik ICT, dan berdaya kepimpinan sehingga boleh mencorakkan realiti baru yang membimbing manusia ke arah keredaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Teknologi era revolusi industri 4.0 adalah antara medium dalam mengglobalkan dunia berperanan membentuk banyak dimensi baru dari segi fikiran, ekonomi, politik, dan agensi sosial baru (Zulkiple Abd Ghani. 2014:39).

V.KESIMPULAN

Gelombang revolusi industri 4.0 rancak berlaku di seluruh dunia yang membawa perubahan besar dalam ruang lingkup kehidupan manusia. Semua pihak kena bertindak pantas seiring dengan pembangunan pesat dalam produk berteknologi dan sistem automasi lebih pintar. Dalam konteks ini, dakwah Islamiah adalah antara bidang yang tidak ketinggalan menerima impak perkembangan terbaru ini. Perkembangan dan kemajuan yang dibawa oleh revolusi industri 4.0 berjalan pantas dan tidak dapat disekat atau lari daripadanya, justeru sarjana Islam dan para da'ie perlu menyediakan strategi untuk berhadapan dengan pelbagai cabaran yang datang daripadanya.

Realitinya dakwah Islamiah dilaksanakan melalui pelbagai saluran daripada yang bersifat tradisi seperti berkhutbah di mimbar masjid, atau perbincangan antara individu sehingga kepada penggunaan alat media massa dan teknologi informasi dan komunikasi yang terkini (Zulkiple Abd Ghani, 2014:8). Pendakwahan lazimnya lebih dikaitkan kepada golongan ustaz dan ustazah yang mengajar sama ada secara formal di sekolah atau tidak formal di masjid dan surau. Namun fenomena teknologi internet dan automasi telah mengubah persepsi dan profil pendakwah yang terdiri daripada pelbagai latarbelakang pendidikan dan profesion pekerjaan. Menariknya kehadiran dan usaha mereka ini, diiktiraf dan diterima baik oleh masyarakat hari ini (Zulkiple Abd Ghani, 2014:22).

Era ini menyaksikan pembangunan pendakwahan daripada pelbagai agama, aliran dan fahaman yang berkembang pesat. Internet diaplikasi sebagai media dan medium pendakwahan dengan membina pelbagai bilangan jaringan, laman web, blog, dan lain-lain. Maka dalam hal ini, para sarjana Islam, para da'ie, dan umat Islam tidak boleh ketinggalan untuk berdaya saing dan segera melakukan langkah-langkah strategik untuk mendepani perkembangan teknologi terkini dengan membuat jaringan-jaringan tentang Islam, seperti cybermuslim atau cyberdakwah, laman sesawang dakwah Islam, Youtube Islam atau Islamtube, Website, Blog dan jaringan sosial seperti Facebook, Twitter, dan Instagram yang berfungsi menyediakan dan menawarkan maklumat tentang Islam dengan berbagai kemudahan dan metode yang beragam variasinya. Di samping sebagai persediaan untuk menghadapi dan menangkis serangan-serangan negatif, tohmahan, fitnah, dan penghinaan terhadap Islam daripada media internet. Langkah awal untuk menjayakan strategi ini, para sarjana Islam dan para da'ie tidak memadai mendalami keilmuan Islam tetapi perlu juga menguasai dan melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan kemahiran teknologi terkini.

Dalam pada itu perubahan dalam sistem pendidikan perlu dilakukan dan dipertingkatkan dengan memberikan pendedahan kepada pelajar di peringkat bawah lagi hingga ke peringkat universiti tentang teknologi revolusi industri 4.0. Pendedahan awal dan pengetahuan secukupnya perlu diberikan dan digalakkan menerokainya supaya pelajar mempunyai kemahiran dan seterusnya mampu membangunkan dan mewujudkan teknologi untuk keperluan pasaran umumnya dan keperluan pembangunan agama Islam khususnya. Adanya pendedahan dan pendidikan awal mengenai teknologi terkini,strategi melahirkan para pendakwah yang mempunyai disiplin keilmuan Islam dan memiliki kemahiran keilmuan teknologi berjaya direalisasikan.

Menurut Zulkipli Abd Ghani (2014:7) dakwah merupakan suatu usaha yang bersifat dinamik dan sentiasa berkembang sesuai dengan tabii kejadian manusia. Dakwah tidak statik. Oleh itu media revolusi industri 4.0 perlu dimanfaatkan sebagai medium dan wacana dakwah Islamiah kepada masyarakat daripada segenap lapisan. Ia perlu digunakan sebaiknya dan semaksimumnya dalam usaha mengajak manusia beriman kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang merupakan suruhan dan amanah yang dituntut untuk dilaksanakan oleh setiap manusia.

RUJUKAN

Artikel Jurnal:

- [1] Umar Halim & Samsudin A. Rahim, Penglibatan Digital: Akses dan Penggunaan e- Agama Dalam Kalangan Generasi Muda Muslim, *Jurnal Komunikasi Malaysia*, 27(2), 2011, 121-135.
- [2] Nur Ahmad, Tantangan dakwah di era teknologi dan informasi; formulasi karakteristik, popularitas, dan materi di jalan dakwah, *Addin*, 8(2) 2014, 319-344.

Buku:

- [3] Klaus Schwab, *The Fourth Industrial Revolution* (Switzerland: World Economic Forum, 2016).
- [4] Ab. Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005).
- [5] Anon, *Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya* (Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah, 2014)
- [6] Zulkiple Abd Ghani, Roslizawati Mohd. Ramly, Mohd. Rushdan Mohd. Jailani dan Muhamad Yusuf Khalid (*Kepimpinan dan Pengurusan: Dakwah, Media dan Ilmu* (Negeri Sembilan: Penerbitan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM, 2012).
- [7] Zulkiple Abd Ghani, *Dakwah dalam Era Siber di Malaysia* (Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2010).
- [8] Ruzaini Syukor Mansor, *Dakwah dan Teknologi Maklumat* (Putrajaya: Penerbit JAKIM, 2011).

Dakwah Islamiah mendepani cabaran revolusi industri 4.0

- [9] Al-Qaradawi, Dr. Yusuf, *Thaqafah al-Da'iyah* (Beirut:tp, 1978)
- [10] Ghalush, Dr Ahmad Ahmad, *Al-Da'wah fi 'Asr al-Nubuwah* (Kaherah: Dar al-Kitab al-Misr, 1972).
- [11] Wan Hussein Azmi, *Panduan Dakwah Islamiyah*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.1988).
- [12] Al-Bukhārī, Muhammad bin Ismā'īl, *Sahih al-Bukhārī*. Mustafā Dīb al-Bughā (Tahqīq), Kitāb ahādīth al-Anbiyā. Bāb ma Dhukir an Banī Isrā'īl. (3274) (Beirūt: Dār Ibn Kathīr,1987)

Bab dalam buku:

- [13] Al-Rikabi, Zain al-'Abidin, Al-Nazariyah al-Islamiyah fī al-I'lām wa al-'Alaqāt al-Insāniyah. *Al-I'lām al-Islāmī wa al-'Alaqāt al-Insāniyah*, (Riyadh:WAMY, 1979).
- [14] Zulkiple Abd. Ghani, Peranan Dakwah dalam Menghadapi Kesan Media Massa Terhadap Perubahan Sosiobudaya, Fariza Md.Sham. Sulaiman Ibrahim, Ideris Endot (Peny.), *Dakwah dan Perubahan Sosial*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2000) 21-33.
- [15] Fariza Md. Sham, Dakwah Islamiah dalam Arus Globalisasi, Fariza Md.Sham. Sulaiman Ibrahim, Ideris Endot (Peny.), *Dakwah dan Perubahan Sosial*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2000) 12-20.
- [16] Abdullah Muhammad Zin, Dakwah dan perubahan sosial menuju alaf baru, Fariza Md.Sham, Sulaiman Ibrahim, Ideris Endot (Peny), *Dakwah dan perubahan sosial*. (Malaysia: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd) 3-11.

Tesis:

- [17] Maryati binti Haji Asmad, *Al-Da'wah 'abbara al-Internūt*, Latihan Ilmiah, Jabatan Usuluddin, Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam, Ijazah Sarjana Muda, 2002.
- [18] Dk Hajah Kanari @ Aliyah Hannah binti Pg Haji Maslon, "Inhirāf al-Da'wah al-Islāmiyyah fī al-Internūt wa Kaifiyati mu'ālijātihā, Latihan Ilmiah, Jabatan Usuluddin, Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam. Ijazah Sarjana Muda, 2003.
- [19] Siti Fairuz binti Haji Lamit , *Al-I'lām al-Islāmī wa 'ilāqatuhu bi al-Da'wah*, Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Ijazah Sarjana Muda, 2011.
- [20] Nur Aqidah binti Abu Bakar, *Nashr al-Da'wah al-Islāmiyyah min khilāl wasēl al-I'lām al-Ijtīmā'iyyah fī Brunei Darussalām*, Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Ijazah Sarja Muda, 2013.
- [21] Muhammad Norsufian bin Haji Yahya, *Dawr al-'ilām fī Khidmah al-Islām*, Latihan Ilmiah, Jabatan Usuluddin, Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam, Ijazah Sarjana Muda. 2006.
- [22] Hajah Fauzana Aleya binti Haji Yahya, *Al-Da'wah al-Islāmiyyah min Khilāl al-İzā'ah Nūr al-Islām al-Brunawiyah*, Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Ijazah Sarjana Muda, 2013.
- [23] Nazirul Mubin bin Ahad, *Electronic Da'wah as a means of preserving Islamic identity of muslim youth*, Master diss, Faculty of Postgraduate, University of Jordan, Jordan, MA, 2015.
- [24] Juliana binti Haji Budin, *The Impact of Social Media on the pattern of Islamic Da'wah in Brunei Darussalam*, Master diss, Faculty of Arts, University of Melbourne Australia, MA, 2013.

Internet:

- [25] Syed Muhammad Dawilah al-Idrus & Mohd Lutfi Solehan (2-3 Dis, 2009) Peranan ICT dalam Penyebaran Dakwah dalam Era Globalisasi.http://eprints.uthm.edu.my/1846/1/.PERANAN_ICT_DALAM PENYEBARAN_DAKWAH_PM_DR_MUHAMMAD_DAWILAH_2009.pdf
- [26] Noor Azaian binti Abdul Talib, Mohd Yusof Abdullah & Mohd Azul Mohammad Salleh (Dis, 2017). *Cabarán Dakwah Islam di Alam Siber*. <http://ejournal.ukm.my/eBangi/article/viewfile/22742/7214>.

Surat Khabar:

- [27] Berita Harian Online (2019). "Dai muda mahir IT mampu perluas gerakan dakwah". 12 Januari, 2019.